

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HISHAMUDDIN BIN TUN  
HUSSEIN [ SEMBRONG ]**

**SOALAN NO. 180**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan pihak Kerajaan dalam memperkasa sistem pertahanan serangan siber negara berikutan Laporan Risiko Global 2018 oleh Forum Ekonomi Dunia yang menyatakan kekerapan dan kecanggihan ancaman siber kini menjadi risiko ketiga terbesar yang bakal dihadapi oleh kesemua organisasi dunia.

**JAWAPAN:**

1. Laporan Risiko Global 2018 oleh Forum Ekonomi Dunia telah menyatakan bahawa serangan siber merupakan risiko yang mempunyai tahap kebarangkalian dan impak yang tinggi berlaku di negara-negara seluruh dunia. Faktor ini didorong daripada tahap kebergantungan yang tinggi terhadap teknologi maklumat dan komunikasi. Kerajaan pada ketika ini sedang merangka strategi pengurusan keselamatan siber dengan memberi penekanan terhadap langkah pengurusan risiko yang lebih baik bagi mendepani cabaran ancaman keselamatan siber yang lebih dinamik. Strategi ini memberi fokus kepada pelaksanaan usaha untuk memperkukuh keupayaan tempatan untuk meramal, mengesan, menghalang dan bertindak balas terhadap ancaman siber melalui tadbir urus yang berstruktur, tenaga pakar yang kompeten, proses amalan terbaik dan penggunaan teknologi yang berkesan.
2. Objektif Strategik dokumen ini tertumpu kepada lima (5) aspek iaitu:
  - a. melindungi ruang siber negara melalui tadbir urus dan pengurusan yang efektif;
  - b. memperkasa undang-undang berkaitan keselamatan siber dan penguatkuasaan bagi membolehkan tahap keselamatan yang lebih tinggi;
  - c. Memacu pembangunan teknologi keselamatan siber negara yang inovatif, R&D dan industri untuk kemandirian dan pertumbuhan ekonomi;
  - d. Meningkatkan pembangunan keupayaan dan kapasiti keselamatan siber, kesedaran dan pendidikan untuk menangani ancaman siber dengan berkesan; dan
  - e. Membina kolaborasi global yang dipercayai dan kukuh untuk memerangi ancaman siber yang bersifat transnasional bagi mengukuhkan ruang siber.